

09/06/2003

PCC diserahkan kepada kerajaan hari ini

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) berharga RM650 juta, mercu tanda terbaru di sini yang setaraf dengan Rockefeller Center di New York,

akan diserahkan secara rasmi kepada kerajaan, hari ini.

PCC, yang bakal menjadi satu daripada lokasi utama pertemuan pemimpin negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), dijadualkan Oktober ini, bukan saja memperluaskan pembangunan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, malah ia menjadi antara bangunan tercantik di negara dan rantau ini, oleh kerana struktur bangunan berbentuk pending.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menerima penyerahan

PCC daripada Putrajaya Holdings, pemaju yang diberi mandat oleh kerajaan untuk membangunkan kawasan Putrajaya, dalam satu majlis simbolik dan gilang-gemilang.

PCC adalah pusat konvensyen bertaraf antarabangsa terunggul di rantau ini yang menyamai taraf Rockefeller Center di New York. Ia hasil rekaan arkitek dan jurutera tempatan, Hijjas Kasturi Associates Sdn Bhd dan dibina oleh IJM Constructions Berhad.

Dibina di kawasan seluas kira-kira 21 hektar di kemuncak Taman Puncak Selatan di Presint Lima, PCC terletak kira-kira lima kilometer daripada Pejabat Perdana Menteri.

Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings Sdn Bhd, Datuk Mohamad Othman

Zainal Azim berkata, pusat konvensyen ini turut dilengkapi dengan sistem

keselamatan canggih sebagai persediaan bagi apa juga keadaan.

"PCC mempunyai sistem sensor yang canggih selain sistem keselamatan lain

yang dapat mengesan kemungkinan sebarang bahan merbahaya.

"Sistem keselamatan yang dipasang di sini juga mampu mengeluarkan semua

orang yang berada di PCC dalam tempoh 10 minit," katanya sambil menambah PCC boleh memuatkan 5,000 orang pada satu masa.

PCC setinggi sembilan tingkat mempunyai keluasan bangunan kira-kira 135,000 meter persegi dan dilengkapi dewan pleno (auditorium utama) yang boleh memuatkan 3,000 orang pada satu-satu masa.

Ia juga mempunyai tujuh bilik VVIP/Rundingan dua hala, lobi, 33 bilik mesyuarat, galeri umum, surau, tempat letak kereta yang boleh memuatkan 1,200 lot kenderaan, restoran, dewan bankuasi, bilik persidangan dan dewan

bagi ketua kerajaan.

Tingkat tiga dikhaskan untuk galeri umum dan lobi VVIP manakala Dewan Ketua Kerajaan dan bilik mesyuarat serta lobi terletak di tingkat satu.

Mohamad Othman berkata, PCC menggabungkan ciri canggih dan kontemporari

dengan reka bentuk tradisionalnya bagi menghasilkan sebuah bangunan yang mempunyai seni arkitektur unik.

"Struktur PCC diilhamkan daripada bentuk pending perak, iaitu kerongsang di tali pinggang wanita, yang dipakai golongan bangsawan Melayu di zaman silam," katanya.

Secara keseluruhan, PCC berbentuk bulat. Namun jika dilihat dari arah depan, PCC kelihatan seolah-olah ada `sayap tepi' yang dinaikkan daripada bumbung, manakala dindingnya pula diperbuat daripada kaca bagi membolehkan cahaya matahari mencerahkan auditorium utamanya.

Mohamad Othman berkata, PCC mula dibina pada 18 Jun 2001 dan kerja pembinaannya siap dalam masa 24 bulan. Sebanyak 80 peratus bahan asas pembinaan menggunakan bahan tempatan manakala bakinya diimport.

"PCC dijangka memenuhi pasaran Persidangan, Pameran, Galakan dan Mesyuarat (MICE) dan akan diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri, sebelum kerajaan memutuskan sama ada syarikat swasta akan mengendalikan pusat berkenaan," kata Mohamad Othman.